

**KERTAS UNTUK MAKLUMAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-31**

**LAPORAN PENILAIAN PEMATUHAN UNDANG-UNDANG SISTEM  
PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS) 2016**

**Tujuan**

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai laporan penilaian pematuhan undang-undang Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) tahun 2016 dan mengambil tindakan pembetulan bagi keperluan yang tidak mematuhi perundangan.

**Latar Belakang**

2. Berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 klausa 4.5.2, UPM telah membangun dan mengekalkan prosedur Penilaian Kepatuhan yang bertujuan untuk menilai pematuhan secara berkala undang-undang berkaitan alam sekitar, peraturan-peraturan, dan lain-lain peraturan-peraturan alam sekitar selaras dengan MS ISO 14001:2004.
3. Penglibatan akta dan perundangan telah dikenal pasti melalui Daftar Aspek Impak Alam sekitar UPM. Seterusnya, UPM telah menyediakan Senarai Daftar Undang-undang dan Keperluan lain (*List Of Legal Register And Other Requirements*) sebagai rujukan pelaksanaan EMS di UPM.
4. Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) UPM ditubuhkan untuk melaksanakan tugasannya sejajar dengan akta dan peraturan berkaitan alam sekitar yang terpakai dengan Universiti dengan melaksanakan penguatkuasaan dan pemeriksaan berkala terhadap pematuhan EMS. Keahlian JKPK adalah daripada kalangan pakar alam sekitar di UPM dan peneraju bagi operasi berkaitan alam sekitar.

5. Pada tahun 2016, berlaku perubahan Pengerusi (JKPK) iaitu daripada Prof. Madya Dr. Rozanah binti Ab. Rahman (Penasihat Undang-Undang) kepada Dr. Mariani binti Ho Nyuk Onn@Ariffin' (Fakulti Pengajian Alam Sekitar) sebagai Pengerusi baharu berkuatkuasa dari tarikh pelantikan iaitu pada 15 Ogos 2016. Selaras dengan perubahan tersebut, tugas urus setia mesyuarat JKPK juga telah berpindah daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang kepada Pusat Jaminan Kualiti.

### **Laporan Penilaian Kepatuhan UPM Tahun 2016**

6. JKPK UPM telah melaksanakan penilaian kepatuhan terhadap laporan pemeriksaan skop penilaian kepatuhan sistem pengurusan alam sekitar tahun 2016 berdasarkan fasa penilaian yang telah ditetapkan iaitu:

| <b>Fasa</b> | <b>Skop Penilaian</b>   | <b>Penilaian semasa Mesyuarat JKPK</b>           |
|-------------|---|--|
| Fasa 1      | i. Pelepasan Asap Bas Bahan Bakar Diesel<br>ii. Penjimatan Tenaga Elektrik  | Mesyuarat JKPK Bil. 1/2016 pada 17 Mei 2016      |
| Fasa 2      | i. Pengurusan Bahan Kimia<br>ii. Pengurusan Sisa Terjadual  |  |
| Fasa 3      | Pengendalian Bahan Beracun  |  |
| Fasa 4      | Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran  | Mesyuarat JKPK Bil. 2/2016 pada 15 November 2016 |
| Fasa 5      | Pelepasan Udara   |  |
| Fasa 6      | Keperluan Lain Dalam Daftar Undang-Undang<br>i. Rumah Sembelihan ( <i>Abattoir</i> )<br>ii. <i>Terrestrial Animal Health Code</i> | Mesyuarat JKPK Bil. 3/2016 pada 15 Disember 2016 |

7. Secara keseluruhannya status semakan dan penilaian kepatuhan terhadap keperluan perundangan dan keperluan lain yang berkaitan bagi tahun 2016 adalah sebagaimana jadual berikut:

| Bilangan<br><i>checkpoint</i> * | Bilangan<br>Patuh | Bilangan<br>Tidak Patuh | Bilangan Tidak<br>Berkaitan ketika<br>penilaian dibuat |
|---------------------------------|-------------------|-------------------------|--|
| 114                             | 66                | 31                      | 18   |

[\*Nota: *Checkpoint* merupakan keperluan dan pematuhan perundangan yang dinyatakan dalam senarai daftar perundangan yang terpakai di UPM]

Perincian status penilaian kepatuhan terhadap laporan pemeriksaan skop penilaian kepatuhan sistem pengurusan alam sekitar tahun 2016 adalah seperti di **Lampiran**.

### **Syor**

8. Ahli mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM dimohon beri perhatian perkara berikut:

- (a) mengambil maklum penilaian kepatuhan terhadap perundangan dan keperluan lain yang berkaitan dengan alam sekitar di UPM dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) secara berkala iaitu sebanyak 3 kali mesyuarat JKPK pada tahun 2016; dan
- (b) mengambil perhatian status penilaian kepatuhan terhadap laporan pemeriksaan skop penilaian kepatuhan Sistem Pengurusan Alam Sekitar tahun 2016 dan mengambil tindakan pembetulan terhadap 66 keperluan perundangan yang tidak patuh.

**STATUS PENILAIAN KEPATUHAN TERHADAP LAPORAN PEMERIKSAAN SKOP PENILAIAN KEPATUHAN  
SISTEM PENGURUSAN ALAM SEKITAR (EMS) UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BAGI TAHUN 2016**

| Bil. | Skop Penilaian                        | Peneraju Operasi                                       | Perundangan dan Keperluan lain yang Berkaitan  | Tarikh Penilaian | Mesyuarat JKPK | Jumlah Checkpoint | Bil. Patuh | Bil. Tidak Patuh | Bil. NA | Catatan                                  |
|------|---------------------------------------|--|--|------------------|----------------|-------------------|------------|------------------|---------|--|
| 1    | Pelepasan Asap Bas Bahan Bakar Diesel | Bahagian Hal Ehwal Pelajar                             | <i>Environmental Quality (Control of Emission from Diesel Engines) Regulations 1996</i>  | 17/05/2016       | Bil. 1/2016    | Tiada             | Patuh      | -                | -       | Berdasarkan Laporan Pemeriksaan PUSPAKOM |
| 2    | Pengurusan Bahan Kimia                | Pejabat Pengurusan keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan | <i>Occupational Safety &amp; Health Act 1994 (Use and Standards of Exposure of Chemical Hazardous To Health) Regulation 2000</i>   | 15/11/2016       | Bil. 2/2016    | 35                | 11         | 24               | -       | -  |
| 3    | Pengurusan Sisa Terjadual             | Pejabat Pengurusan keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan | <i>Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations 2005 [P.U.(A) 158/2007].</i>   | 15/11/2016       | Bil. 2/2016    | 16                | 9          | 7                | -       | -  |
| 4    | Pengendalian Bahan Beracun            | Taman Pertanian Universiti                             | <i>i. Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations 2005 [P.U.(A) 158/2007];</i><br><i>ii. Poisons Regulations, 1952;</i><br><i>iii. Pesticides Act 1974 [ACT 149].</i> | 15/11/2016       | Bil. 2/2016    | 12                | 11         | -                | 1       | -  |

| Bil. | Skop Penilaian                        | Peneraju Operasi                                       | Perundangan dan Keperluan lain yang Berkaitan   | Tarikh Penilaian | Mesyuarat JKPK | Jumlah <i>Checkpoint</i> | Bil. Patuh | Bil. Tidak Patuh | Bil. NA   | Catatan   |
|------|---------------------------------------|--|---|------------------|----------------|--------------------------|------------|------------------|-----------|-----------|
| 5    | Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran    | Pejabat Pengurusan keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan | <i>i. Atomic Energy Licensing 1984;</i>   | 15/11/2016       | Bil. 2/2016    | 38                       | 28         | -                | 10        | -         |
|      |                                       |  | <i>ii. Atomic Energy Licensing (Basic Safety Radiation Protection) Regulations 2010</i> |                  |                |                          |            |                  |           |           |
| 6    | Rumah Sembelihan ( <i>Abattoir</i> )  | Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, Bintulu           | <i>Licence for Abattoir</i>   | 15/12/2016       | Bil. 3/2016    | 5                        | 5          | -                | -         | -         |
| 7    | <i>Terrestrial Animal Health Code</i> | Fakulti Perubatan Veterinar                            | <i>Terrestrial Animal Health Code 2013</i>  | 15/12/2016       | Bil. 3/2016    | 8                        | 1          | -                | 7         | -         |
|      |                                       |  |   |                  |                | <b>JUMLAH</b>            | <b>114</b> | <b>66</b>        | <b>31</b> | <b>18</b> |

(\*Nota: NA-Tidak berkaitan)